

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2006

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN / PENGUASA IMIGRESEN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 kepada skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen diubah selaras dengan perubahan tugas dan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi pengurusan organisasi serta meningkatkan mutu perkhidmatan Imigresen bagi memenuhi aspirasi rakyat dan negara masa kini. Seajar dengan ini dan juga dalam mempertingkatkan peluang kerjaya perkhidmatan Imigresen, satu skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen diwujudkan.

SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN/ PENGUASA IMIGRESEN

3. Skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 yang berkuat kuasa diubah menjadi skim perkhidmatan bersepadu seperti berikut:

- (a) pindaan gred skim perkhidmatan kepada **Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54;**
- (b) syarat lantikan di Gred KP27 adalah dikekalkan iaitu memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (c) syarat lantikan di Gred KP41 adalah ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana muda kepujian atau ijazah sarjana muda undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (d) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred KP27 atau Gred KP32 ke Gred KP42 adalah tertakluk kepada syarat kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana muda kepujian atau ijazah sarjana muda undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan syarat-syarat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (e) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred KP38 ke Gred KP42 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

4. Skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen yang baru adalah seperti di **Lampiran A** dan iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B**. Penghuraian tugas adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7 dan C8**.

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Penolong Penguasa Imigresen dan Penguasa Imigresen hendaklah menggunakan skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PELAKSANAAN

6. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen yang baru mengikut gred-gred seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 akan ditukar lantik ke Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27;
- (b) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 akan ditukar lantik ke Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32; dan
- (c) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38 akan ditukar lantik ke Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38.

7. Ketua jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru di bawah skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 secara tukar ganti dengan jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik mengikut keperluan dan kesesuaian.

PEMBERIAN OPSYEN

8. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan/ Perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu ini. Mereka akan kekal di gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

10. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai tetap yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

12. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.
13. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 11, dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.
14. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.
15. Pegawai lantikan sementara/ kontrak/ sambilan adalah tidak terlibat dalam urusan pemberian opsyen ini.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Penolong Penguasa Imigresen

16. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 ditetapkan seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Imigresen yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1(P1) gred jawatan baru;

- (b) Penolong Penguasa Imigresen yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) atau Peringkat 2 (P2) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (c) jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

17. Secara terperinci penetapan gaji permulaan bagi skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen bagi setiap gred adalah seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa tawaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1(P1) Gred KP27 baru;
- (b) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KP27 baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) jika matagaji di Peringkat 2 (P2) tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (c) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KP32 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (d) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KP38 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

18. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah di perenggan 17 di atas, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji Dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

19. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2, E3, E4, E5, E6, E7 dan E8**. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran F, F1, F2, F3, F4 dan F5**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

20. Pergerakan gaji tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuat kuasakan hendaklah diberikan di gred jawatan baru.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

21. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

22. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat pelaksanaan yang berkuatkuasa.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

23. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- (ii) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen serta implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat; dan
 - (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.
- (c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**
- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
 - (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
 - (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.


TARIKH KUAT KUASA

24. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan bersepadu Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38, KP41/KP42, KP44, KP48, KP52, KP54 ialah mulai **1 Januari 2007**.

PEMAKAIAN

25. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, KP32, KP38 yang berkuat kuasa melalui Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 masih kekal untuk menampung pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan di perenggan 3 dan pegawai yang menolak opsiyen pertukaran pelantikan ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(**TAN SRI ISMAIL ADAM**)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

11 Disember 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN/ PENGUASA IMIGRESEN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN/ PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2007

GRED	JADUAL GAJI MATRIKS			
Gred KP27	: P1T1 RM963.64	-	P1T25 RM2343.04	
	P2T1 RM1019.30	-	P2T25 RM2488.24	
	P3T1 RM1077.38	-	P3T25 RM2638.28	
Gred KP32	: P1T1 RM1930.43	-	P1T11 RM2716.93	
	P2T1 RM2098.62	-	P2T11 RM2957.72	
Gred KP38	: P1T1 RM2401.12	-	P1T11 RM3551.83	
	P2T1 RM2569.31	-	P2T11 RM3929.35	
Gred KP41	: P1T1 RM1471.02	-	P1T27 RM4036.22	
	P2T1 RM1553.30	-	P2T27 RM4278.22	
	P3T1 RM1639.21	-	P3T27 RM4540.79	
Gred KP42	: P1T1 RM1471.02	-	P1T27 RM4036.22	
	P2T1 RM1639.21	-	P2T27 RM4540.79	
Gred KP44	: P1T1 RM2590.27	-	P1T14 RM4289.11	
	P2T1 RM2867.36	-	P2T14 RM4707.77	
Gred KP48	: P1T1 RM3783.33	-	P1T8 RM5019.95	
	P2T1 RM4158.43	-	P2T8 RM5496.69	
Gred KP52	: P1T1 RM4257.65	-	P1T8 RM5494.27	
	P2T1 RM4661.79	-	P2T8 RM6000.05	
Gred KP54	: P1T1 RM4489.97	-	P1T8 RM5842.75	
	P2T1 RM4886.85	-	P2T8 RM6377.57	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KP27

- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP27: P1T1); atau

- (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP27: P1T5).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KP41

- (d) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: P1T1); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: P1T3); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: P1T4)

- dan
- (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Imigresen adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KP27 dan Gred KP41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 dan Penguasa Imigresen Gred KP41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 5. Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 dan Penguasa Imigresen Gred KP41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 dan Penguasa Imigresen Gred KP41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Penolong Penguasa Imigresen dan Penguasa Imigresen hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP32**

10. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP38**

11. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP42**

12(i) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 atau KP32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Imigresen Gred KP42 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas;
- (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (e) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(ii) Penolong Penguasa Imigresen Gred KP38 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Imigresen Gred KP42 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP44**

13. Penguasa Imigresen Gred KP41/KP42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Imigresen Gred KP44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP48**

14. Penguasa Imigresen Gred KP44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Imigresen Gred KP48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP52**

15. Penguasa Imigresen Gred KP48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Imigresen Gred KP52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP54**

16. Penguasa Imigresen Gred KP52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penguasa Imigresen Gred KP54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini menggantikan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2 (3)].

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen
- (b) Kementerian/Jabatan : Jabatan Imigresen Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan/ Pengurusan Dan Profesional (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred KP27	: P1T1 RM963.64 P2T1 RM1019.30 P3T1 RM1077.38	- P1T25 RM2343.04 - P2T25 RM2488.24 - P3T25 RM2638.28
Gred KP32	: P1T1 RM1930.43 P2T1 RM2098.62	- P1T11 RM2716.93 - P2T11 RM2957.72
Gred KP38	: P1T1 RM2401.12 P2T1 RM2569.31	- P1T11 RM3551.83 - P2T11 RM3929.35
Gred KP41	: P1T1 RM1471.02 P2T1 RM1553.30 P3T1 RM1639.21	- P1T27 RM4036.22 - P2T27 RM4278.22 - P3T27 RM4540.79
Gred KP42	: P1T1 RM1471.02 P2T1 RM1639.21	- P1T27 RM4036.22 - P2T27 RM4540.79
Gred KP44	: P1T1 RM2590.27 P2T1 RM2867.36	- P1T14 RM4289.11 - P2T14 RM4707.77
Gred KP48	: P1T1 RM3783.33 P2T1 RM4158.43	- P1T8 RM5019.95 - P2T8 RM5496.69
Gred KP52	: P1T1 RM4257.65 P2T1 RM4661.79	- P1T8 RM5494.27 - P2T8 RM6000.05
Gred KP54	: P1T1 RM4489.97 P2T1 RM4886.85	- P1T8 RM5842.75 - P2T8 RM6377.57

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KP27

- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP27: P1T1); atau

- (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP27: P1T5).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KP41

- (d) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: P1T1); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: P1T3); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: P1T4)

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Imigresen adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Penguasa Imigresen/ Penguasa Imigresen adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

PENGHURAIAN SKOP TUGAS PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN KP27

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Imigresen Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek operasi

- (a) mengetuai atau membantu Ketua Unit Penguatkuasa di peringkat negeri/cawangan/daerah dalam menyelia serta memastikan operasi penguatkuasaan Imigresen mencapai standard dan prosedur yang ditetapkan; dan
- (b) mengetuai unit/bahagian "*core business*" Imigresen di peringkat negeri/cawangan/daerah dan bahagian di ibu pejabat berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

2.2 Aspek penguatkuasaan

- (a) membantu Ketua Unit Penguatkuasa di peringkat negeri/cawangan /daerah mengawalselia dan membuat pemeriksaan bagi tujuan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (b) melakukan program tindakan susulan/ naziran sepertimana diarahkan ke atas mana-mana tuan punya milik premis dan pekerja yang tidak mematuhi Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) menjalankan perintah larangan berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

- (d) membantu Ketua Unit Penguatkuasa mengurus dan merancang program pelaksanaan jadual dan jenis operasi yang perlu dijalankan pada setiap masa;
- (e) menjalankan penyiasatan mana-mana premis yang berlaku mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (f) menjalankan penyiasatan dan pendakwaan mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (g) membantu menguruskan program pelaksanaan mengkompaun dan menyenaraihitamkan nama pesalah berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- (h) membantu menguruskan program pelaksanaan pengusiran dan lain-lain berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 .

2.3 Aspek pencegahan dan keselamatan negara

- (a) membantu menyelia program kempen kesedaran terhadap warganegara akan hukuman berat jika didapati menggaji atau melindungi pendatang asing tanpa izin;
- (b) membantu menyelia program kesedaran terhadap warga asing akan hukuman jika didapati bekerja tanpa pas atau permit yang sah;
- (c) membantu menyelia program kesedaran terhadap warga asing jika mereka ditipu oleh agen atau orang-orang tidak bertanggungjawab yang menjanjikan kerja gaji lumayan; dan
- (d) membantu menyelia program Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sifar di negara Malaysia.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- (a) rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit/balai; dan
- (b) pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

3.2 Luaran

- (a) orang awam;
- (b) para Profesional;
- (c) tuan punya bangunan;
- (d) Jabatan/ Agensi Kerajaan; dan
- (e) syarikat swasta.

4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Penolong Penguasa Imigresen boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. ANCAMAN

- (a) rasuah; dan
- (b) terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman senjata api, ugutan, khianat dan sebagainya.

PENGHURAIAN SKOP TUGAS PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN KP32

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Imigresen Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek operasi

- (a) memantau aktiviti unit penguatkuasa di peringkat negeri/cawangan/daerah serta memastikan operasi penguatkuasaan Imigresen mencapai standard dan prosedur yang ditetapkan;
- (b) mengetuai unit/bahagian Imigresen di peringkat negeri/cawangan/daerah dan bahagian di ibu pejabat berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) mengawalselia pengurusan Pejabat Imigresen di semua Depot Tahanan Imigresen di semua negeri;
- (d) mengawalselia program/ aktiviti pegawai di bawah seliaan;
- (e) membuat keputusan dalam penolakan kemasukan dan penahanan orang-orang tertentu di pintu-pintu masuk sejajar seksyen 31, Akta Imigresen 1959/63;
- (f) menahan dan merampas kapal kecil (di bawah 75 tan) yang disyaki tidak mematuhi seksyen 49A, Akta dan Peraturan Imigresen;
- (g) memeriksa di atas kapal-kapal terbang dan keretapi dan memastikan tidak ada penumpang yang mengelak dari pemeriksaan Imigresen. Seterusnya mengeluarkan '*certificate of clearance*' setelah tamat pemeriksaan sejajar seksyen 51(a), Akta Imigresen 1959/63;

- (h) merampas passport dan dokumen perjalanan orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan atau lain-lain jenayah; dan
- (i) menimbang dan memperakukan untuk kelulusan pegawai atasan permohonan permit masuk semula, visa dan visa masuk semula, sijil-sijil akuan pengenalan, passport-pasport dan pas-pas lawatan.

2.2 Aspek penguatkuasaan

- (a) mengetuai Unit Penguatkuasa di peringkat negeri/cawangan /daerah serta mengawalselia dan membuat pemeriksaan bagi tujuan menguatkuasakan peruntukkan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (b) mengurus program tindakan susulan/ naziran di peringkat negeri/cawangan/daerah sepertimana diarahkan ke atas mana-mana tuan punya milik premis dan pekerja yang tidak mematuhi Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) menjalankan perintah larangan berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (d) mengurus dan merancang program pelaksanaan jadual dan jenis operasi di peringkat negeri/cawangan/daerah yang perlu dijalankan pada setiap masa;
- (e) menjalankan penyiasatan mana-mana premis yang berlaku mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (f) menjalankan penyiasatan dan pendakwaan mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (g) menguruskan program pelaksanaan mengkompaun dan menyenaraihitamkan nama pesalah di peringkat negeri/cawangan/daerah berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

- (h) menguruskan program pelaksanaan pengusiran dan lain-lain di peringkat negeri/cawangan/daerah berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

2.3 Aspek pencegahan dan keselamatan negara

- (a) menyelia program kempen kesedaran terhadap warganegara di peringkat negeri/cawangan/daerah akan hukuman berat jika didapati menggaji atau melindungi pendatang asing tanpa izin;
- (b) menyelia program kesedaran terhadap warga asing di peringkat negeri/cawangan/daerah akan hukuman jika didapati bekerja tanpa pas atau permit yang sah;
- (c) menyelia program kesedaran terhadap warga asing di peringkat negeri/cawangan/daerah jika mereka ditipu oleh agen atau orang-orang tidak bertanggungjawab yang menjanjikan kerja gaji lumayan; dan
- (d) menyelia program PATI sifar di negara Malaysia (peringkat negeri/cawangan/daerah).

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- (a) rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit/balai; dan
- (b) pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

3.2 Luaran

- (a) orang awam;
- (b) para Profesional;
- (c) tuan punya bangunan;
- (d) Jabatan / Agensi Kerajaan; dan
- (e) syarikat swasta.

4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Penolong Penguasa Imigresen boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. ANCAMAN

(a) rasuah; dan

(b) terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman senjata api, ugutan, khianat dan sebagainya.

PENGHURAIAN SKOP TUGAS PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN KP38

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Imigresen Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek operasi

- (a) memantau aktiviti unit penguatkuasa di peringkat negeri/cawangan/daerah serta memastikan operasi penguatkuasaan Imigresen mencapai standard dan prosedur yang ditetapkan;
- (b) mengetuai unit/bahagian Imigresen di peringkat negeri/cawangan/daerah dan bahagian di ibu pejabat berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) mengawalselia pengurusan Pejabat Imigresen di semua Depot Tahanan Imigresen di semua negeri;
- (d) mengawalselia program/ aktiviti pegawai di bawah seliaan;
- (e) membuat keputusan dalam penolakan kemasukan dan penahanan orang-orang tertentu di pintu-pintu masuk sejajar seksyen 31, Akta Imigresen 1959/63;
- (f) menahan dan merampas kapal kecil (di bawah 75 tan) yang disyaki tidak mematuhi sejajar seksyen 49A, Akta dan Peraturan Imigresen;
- (g) memeriksa di atas kapal-kapal terbang, keretapi dan memastikan tidak ada penumpang yang mengelakkan dari pemeriksaan Imigresen. Seterusnya mengeluarkan "*certificate of clearance*"

setelah tamat pemeriksaan sejajar seksyen 51(a) Akta Imigresen 1959/63;

- (h) merampas passport atau dokumen perjalanan orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan atau lain-lain jenayah; dan
- (i) menimbang dan memperakukan untuk kelulusan pegawai atasan permohonan permit masuk semula, visa dan visa masuk semula, sijil-sijil akuan pengenalan, passport-pasport dan pas-pas lawatan.

2.2 Aspek penguatkuasaan

- (a) mengetuai Unit Penguatkuasa di peringkat negeri/cawangan /daerah serta mengawalselia dan membuat pemeriksaan bagi tujuan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (b) mengurus program tindakan susulan/ naziran di peringkat negeri/cawangan/daerah sepertimana diarahkan ke atas mana-mana tuan punya milik premis dan pekerja yang tidak mematuhi Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) menjalankan perintah larangan berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (d) mengurus dan merancang program pelaksanaan jadual dan jenis operasi di peringkat negeri/cawangan/daerah yang perlu dijalankan pada setiap masa;
- (e) menjalankan penyiasatan mana-mana premis yang berlaku mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (f) menjalankan penyiasatan dan pendakwaan mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

- (g) menguruskan program pelaksanaan mengkompaun dan menyenaraihitamkan nama pesalah di peringkat negeri/cawangan/daerah berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- (h) menguruskan program pelaksanaan pengusiran dan lain-lain di peringkat negeri/cawangan/daerah berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

2.3 Aspek pencegahan dan keselamatan negara

- (a) menyelia program kempen kesedaran terhadap warganegara di peringkat negeri/cawangan/daerah akan hukuman berat jika didapati menggaji atau melindungi pendatang asing tanpa izin;
- (b) menyelia program kesedaran terhadap warga asing di peringkat negeri/cawangan/daerah akan hukuman jika didapati bekerja tanpa pas atau permit yang sah;
- (c) menyelia program kesedaran terhadap warga asing di peringkat negeri/cawangan/daerah jika mereka ditipu oleh agen atau orang-orang tidak bertanggungjawab yang menjanjikan kerja gaji lumayan; dan
- (d) menyelia program PATI sifar di negara Malaysia (peringkat negeri/cawangan/daerah).

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- (a) rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit/balai; dan
- (b) pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

3.2 Luaran

- (a) orang awam;
- (b) para Profesional ;

- (c) tuan punya bangunan ;
- (d) Jabatan/ Agensi Kerajaan; dan
- (e) syarikat swasta.

4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Penolong Penguasa Imigresen boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. ANCAMAN

- (a) rasuah; dan
- (b) terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman senjata api, ugutan, khianat dan sebagainya.

PENGHURAIAN SKOP TUGAS PENGUASA IMIGRESEN KP41

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Imigresen Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek operasi

- (a) memantau dan memastikan operasi penguatkuasaan Imigresen bagi mencapai standard dan prosedur yang ditetapkan;
- (b) mengawalselia urusan pengurusan khidmat tugas-tugas khas berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) mengawalselia pengurusan semua Pejabat Imigresen di peringkat daerah, negeri dan Ibu Pejabat;
- (d) mengawalselia pengurusan Pejabat Imigresen di semua Depot Tahanan Imigresen di semua negeri;
- (e) menyediakan kajian risiko pengoperasian dan kajian Pra-Rancang bagi kawasan seliaan; dan
- (f) mengawalselia program/ aktiviti semua peringkat pegawai di bawah jagaan.

2.2 Aspek penguatkuasaan

- (a) mengawalselia dan membuat pemeriksaan bagi tujuan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (b) menentukan program tindakan susulan ke atas mana-mana tuan punya milik premis dan pekerja yang tidak mematuhi Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

- (c) merangka dan menentukan perintah tahanan berdasarkan peruntukan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (d) menjalankan perintah larangan berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (e) menguruskan dan merancang program pelaksanaan jadual dan jenis operasi yang perlu dijalankan pada setiap masa;
- (f) melaksanakan kuasa penangkapan tanpa waran berdasarkan kesalahan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (g) menjalankan penyiasatan mana-mana premis yang berlaku mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (h) menjalankan penyiasatan dan pendakwaan mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (i) menguruskan program pelaksanaan mengkompaun dan menyenaraihitamkan nama pesalah berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- (j) menguruskan program pelaksanaan pengusiran dan lain-lain berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

2.3 Aspek pencegahan dan keselamatan negara

- (a) menjalankan program kempen kesedaran terhadap warganegara akan hukuman berat jika didapati menggaji atau melindungi pendatang asing tanpa izin;
- (b) menjalankan program kesedaran terhadap warga asing akan hukuman jika didapati bekerja tanpa pas atau permit yang sah;

- (c) menjalankan program kesedaran terhadap warga asing jika mereka ditipu oleh agen atau orang-orang tidak bertanggungjawab yang menjanjikan kerja gaji lumayan;
- (d) menjalinkan hubungan kerjasama dengan agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang lain dalam usaha membanteras PATI sama ada dalam negara ataupun di sempadan dan perairan di sepanjang negara; dan
- (e) menjalankan program PATI sifar di negara Malaysia.

2.4 Aspek latihan

- (a) menjalankan program latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai dan anggota;
- (b) melaksanakan program pengembangan latihan kepada pelanggan jabatan;
- (c) merangka program latihan kemahiran pengkomputeran dan kerja-kerja perkhidmatan di kaunter berdasarkan prinsip dan kehendak kerajaan;
- (d) menyemak dan menyediakan Subjek Latihan Kemahiran yang lebih komprehensif; dan
- (e) merancang dan melaksanakan program kadet baru Imigresen di semua peringkat.

2.5 Aspek penyelidikan, perancangan dan pembangunan

- (a) merancang dan menguruskan pembinaan pejabat dan rumah kakitangan serta depot baru di semua negeri selaras dengan pembangunan negara;
- (b) menguruskan dan menentukan speksifikasi pembelian peralatan serta kenderaan baru milik jabatan; dan
- (c) merancang keperluan dan penempatan alat kelengkapan di tempat-tempat yang strategik bagi kegunaan jabatan.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- (a) rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit/ balai ; dan
- (b) pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

3.2 Luaran

- (a) orang awam;
- (b) para Profesional;
- (c) tuan punya bangunan;
- (d) Jabatan/ Agensi Kerajaan; dan
- (e) syarikat swasta.

4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Penguasa Imigresen boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. ANCAMAN

- (a) rasuah; dan
- (b) terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman senjata api, ugutan, khianat dan sebagainya.

PENGHURAIAN SKOP TUGAS PENGUASA IMIGRESEN KP42

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Imigresen Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek operasi

- (a) memantau dan memastikan operasi penguatkuasaan Imigresen bagi mencapai standard dan prosedur yang ditetapkan;
- (b) mengawalselia urusan pengurusan khidmat tugas-tugas khas berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) mengawalselia pengurusan semua Pejabat Imigresen di peringkat daerah, negeri dan Ibu Pejabat;
- (d) mengawalselia pengurusan Pejabat Imigresen di semua Depot Tahanan Imigresen di semua negeri;
- (e) menyediakan kajian risiko pengoperasian dan kajian Pra-Rancang bagi kawasan seliaan; dan
- (f) mengawalselia program/ aktiviti semua peringkat pegawai di bawah jagaan.

2.2 Aspek penguatkuasaan

- (a) mengawalselia dan membuat pemeriksaan bagi tujuan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (b) menentukan program tindakan susulan ke atas mana-mana tuan punya milik premis dan pekerja yang tidak mematuhi Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

- (c) merangka dan menentukan perintah tahanan berdasarkan peruntukkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (d) menjalankan perintah larangan berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (e) mengurus dan merancang program pelaksanaan jadual dan jenis operasi yang perlu dijalankan pada setiap masa;
- (f) melaksanakan kuasa penangkapan tanpa waran berdasarkan kesalahan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (g) menjalankan penyiasatan mana-mana premis yang berlaku mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (h) menjalankan penyiasatan dan pendakwaan mana-mana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (i) menguruskan program pelaksanaan mengkompaun dan menyenaraihitamkan nama pesalah berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- (j) menguruskan program pelaksanaan pengusiran dan lain-lain berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

2.3 Aspek pencegahan dan keselamatan negara

- (a) menjalankan program kempen kesedaran terhadap warganegara akan hukuman berat jika didapati menggaji atau melindungi pendatang asing tanpa izin;
- (b) menjalankan program kesedaran terhadap warga asing akan hukuman jika didapati bekerja tanpa pas atau permit yang sah;

- (c) menjalankan program kesedaran terhadap warga asing jika mereka ditipu oleh agen atau orang-orang tidak bertanggungjawab yang menjanjikan kerja gaji lumayan;
- (d) menjalinkan hubungan kerjasama dengan agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang lain dalam usaha membenteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) samada dalam negara ataupun di sempadan dan perairan di sepanjang negara; dan
- (e) menjalankan program PATI sifar di negara Malaysia.

2.4 Aspek latihan

- (a) menjalankan program latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai dan anggota;
- (b) melaksanakan program pengembangan latihan kepada pelanggan jabatan;
- (c) merangka program latihan kemahiran pengkomputeran dan kerja-kerja perkhidmatan di kaunter berdasarkan prinsip dan kehendak kerajaan;
- (d) menyemak dan menyediakan Subjek Latihan Kemahiran yang lebih komprehensif; dan
- (e) merancang dan melaksanakan program kadet baru Imigresen di semua peringkat.

2.5 Aspek penyelidikan, perancangan dan pembangunan

- (a) merancang dan menguruskan pembinaan pejabat dan rumah kakitangan serta depot baru di semua negeri selaras dengan pembangunan negara;
- (b) menguruskan dan menentukan speksifikasi pembelian peralatan serta kenderaan baru milik jabatan; dan
- (c) merancang keperluan dan penempatan alat kelengkapan di tempat-tempat yang strategik bagi kegunaan jabatan.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- (a) rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit/ balai ; dan
- (b) pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

3.2 Luaran

- (a) orang awam;
- (b) para Profesional;
- (c) tuan punya bangunan;
- (d) Jabatan/ Agensi Kerajaan; dan
- (e) syarikat swasta.

4. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

5. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Penguasa Imigresen boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. ANCAMAN

- (a) rasuah; dan
- (b) terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman senjata api, ugutan, khianat dan sebagainya.

PENGHURAIAN SKOP TUGAS PENGUASA IMIGRESEN KP44

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Imigresen Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek operasi

- (a) memantau dan memastikan operasi penguatkuasaan Imigresen bagi mencapai standard dan prosedur yang ditetapkan;
- (b) mengawalselia urusan pengurusan khidmat tugas-tugas khas berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (c) mengawalselia pengurusan semua Pejabat Imigresen di peringkat daerah, negeri dan Ibu Pejabat;
- (d) mengawalselia pengurusan Pejabat Imigresen di semua Depot Tahanan Imigresen di semua negeri;
- (e) menyediakan kajian risiko pengoperasian dan kajian Pra-Rancang bagi kawasan seliaan; dan
- (f) mengawalselia program / aktiviti semua peringkat pegawai di bawah jagaan.

2.2 Aspek penguatkuasaan

- (a) mengawalselia dan membuat pemeriksaan bagi tujuan menguatkuasakan peruntukkan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (b) menentukan program tindakan susulan ke atas mana-mana tuan punya milik premis dan pekerja yang tidak mematuhi Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

- (c) merangka dan menentukan perintah tahanan berdasarkan peruntukkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (d) menjalankan perintah larangan berdasarkan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (e) mengurus dan merancang program pelaksanaan jadual dan jenis operasi yang perlu dijalankan pada setiap masa ;
- (f) melaksanakan kuasa penangkapan tanpa waran berdasarkan kesalahan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
